

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI  
SALLEH [PASIR PUTEH]**

**SOALAN**

**DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [ PASIR PUTEH ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan maklum balas berkaitan perancangan jangka masa pendek dan sederhana bagi mengatasi kadar pengangguran yang semakin meningkat khususnya bidang kejuruteraan dan teknologi.

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Manusia melalui jawapan lisan di Dewan Rakyat pada 3 Disember 2020 juga telah menyatakan bahawa Jawatankuasa Khas Pekerjaan Nasional (JKPN) telah ditubuhkan sebagai platform menyelaraskan dan memantau pelaksanaan lima (5) inisiatif PENJANA berkaitan sumber manusia seperti berikut :

- (i) Pertama, Program Subsidi Upah merupakan bantuan kewangan yang dibayar kepada majikan setiap perusahaan bagi setiap pekerja tempatan yang bergaji RM4,000 dan ke bawah;
- (ii) Kedua, Menaik Taraf Portal Perkhidmatan Pekerjaan Negara bertujuan untuk memperkukuh portal pekerjaan dan padanan kerja serta bekerjasama dengan portal pekerjaan swasta untuk padanan kerja;
- (iii) Ketiga, Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan bagi menggalakkan pengambilan pekerja dengan menyediakan insentif kewangan kepada majikan;
- (iv) Keempat, Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran bagi meningkatkan kebolehpasaran golongan penganggur melalui program latihan untuk mendapat kemahiran dan meningkatkan kemahiran; dan
- (v) Kelima, Perlindungan Sosial dan Latihan bagi Pekerja Ekonomi Gig bagi menjamin keselamatan sosial dan kebajikan golongan pekerja ekonomi gig.

2. Jawatankuasa yang dipengerusikan secara bersama oleh Menteri Sumber Manusia dan Menteri Kewangan ini dianggotai agensi yang terlibat secara langsung dalam inisiatif PENJANA seperti Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kewangan, Kementerian Pengajian

Tinggi, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

3. Dalam hubungan ini, JKPN akan memberi fokus kepada perkara-perkara berikut :

- (i) Pertama: Rancangan jangka masa pendek bagi menangani kadar pengangguran yang tinggi mengikut industri seperti pelancongan, hiburan dan lain-lain;
- (ii) Kedua: Rancangan jangka masa sederhana dan panjang dengan meningkatkan value chain sumber manusia melalui program upskilling dan reskilling; dan
- (iii) Ketiga: Mempromosi, membantu dan melindungi hak serta kebajikan pekerja ekonomi gig.

4. Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh PERKESO, sektor yang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19 adalah pembuatan dan perkhidmatan. Tiada perubahan yang ketara bagi bidang berkaitan kejuruteraan dan teknologi. Walau bagaimanapun, bagi mengerakkan negara ke rantaian nilai yang lebih tinggi, tumpuan akan terus diberikan bagi mewujudkan peluang pekerjaan dalam kedua-dua bidang ini yang memerlukan pekerja berkemahiran. Untuk tujuan tersebut sebanyak RM 2 bilion telah disediakan di bawah PENJANA bertujuan untuk menyediakan latihan yang bersesuaian kepada pekerja yang terjejas ini.

Sekian, terima kasih.